

Semua mahasiswa dapat e-dompet RM200

SHAH ALAM: Semua mahasiswa tanpa mengira had umur layak mendapat bantuan tunai dompet elektronik (e-dompet) berumur antara 18 hingga 20 tahun seperti dibentangkan dalam Belanjawan 2023.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bersetuju dengan cadangan supaya bantuan tersebut turut diterima oleh siapa sahaja yang merupakan mahasiswa di institusi pengajian tinggi.

“Saya akan putuskan supaya e-wallet itu boleh dimanfaatkan oleh semua mahasiswa,” katanya ringkas dalam sesi Dialog Perdana Menteri Bersama Majlis Perwakilan Pelajar Uni-

versiti Teknologi Mara (UiTM), semalam.

Dalam dialog sama, beliau berkata, subsidi harga tiket penerbangan kepada mahasiswa akan dibincangkan bersama Menteri Pengangkutan.

Sementara itu, Anwar berkata, Akta Universiti Kolej Universiti (AUKU) 1971 perlu dipinda berbanding memansuhkannya secara keseluruhan.

Katanya, akta tersebut perlu untuk mengawal institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS).

Katanya, kebebasan kegiatan mahasiswa dan akademik boleh diperhalusi dan perkara

itu diserahkan kepada Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dan kementeriannya.

“Kebebasan kegiatan mahasiswa itu boleh diperhalusi atau akademik, profesor dan pensyarah boleh menulis dan memberikan pandangan termasuk kritikan,” katanya.

Anwar mengingatkan bahawa kebebasan mahasiswa bukan bermakna tiada peraturan atau tidak perlu menghormatinya untuk mengadakan sebarang program dalam kampus.

“Saya terbuka siapa hendak datang, datanglah. Tetapi ada peraturannya,” kata beliau.